## 4.0 SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. Salinan Cukai Harta terkini (Pastikan pindah milik nama telah dibuat)
3. Salinan Geran Tanah (Hak milik) & Pelan Tanah
4. Perakuan pemilik premis (Jika pemohon adalah penyewa) & Persetujuan Jiran
5. Salinan Perjanjian Sewa (Jika pemohon adalah penyewa)
6. Gambar awning keseluruhan (Hadapan, tepi, belakang)
7. Lakaran lukisan yang disediakan













**√ Imbas / scan borang yang telah lengkap dan lampirkan dokumen (4.0 Senarai Dokumen Yang Diperlukan)**
**√ Hantar ke alamat atau emel : *kawalanbangunan@mbjb.gov.my***

## 5.0 JADUAL BAYARAN

| BIL | PERKARA | BAYARAN WANG PROSES | BAYARAN WANG PERMIT (PILIHAN) | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 TAHUN | 3 TAHUN | 5 TAHUN |
| 1 | **KEDUDUDKAN LOT** | | | | |
| | ❖ Lot Penjuru (Corner Lot) | RM 50.00 | | | |
| | ❖ Lot Tengah (Intermediate Lot) | RM 30.00 | | | |
| | ❖ Lot Tepi (End Lot) | RM 30.00 | | | |
| 2 | **JENIS KOS KEDIAMAN** | | | | |
| | ❖ Kos Rendah | | RM 10.00 | RM 30.00 | RM 50.00 |
| | ❖ Kos Sederhana & Kos Tinggi | | RM 30.00 | RM 90.00 | RM 150.00 |

### *JENIS AWNING RUMAH YANG DIBENARKAN – JENIS SEMENTARA (TIDAK KEKAL)*



***'METAL DECK'***



***'ALUMINIUM COMPOSITE PANEL'***



***'GLASS' / TEMPERED GLASS***



***'CONCRETE TILE'***

**DAPATKAN DI LAMAN WEB KAMI ATAU HUBUNGI TALIAN 07-228 2519**

Layari link
https://www.mbjb.gov.my/ms/pembaharuanpermitsementara

# GARIS PANDUAN PERMIT
# AWNING RUMAH KEDIAMAN







M B J B
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



مجليس بندارايا جوهر بهارو

## JABATAN KAWALAN BANGUNAN

https://www.mbjb.gov.my/ms/permitsementara


**ARAS 11, BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN, MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**
**NO. 1, JALAN LINGKARAN DALAM, BUKIT SENYUM, 80300 JOHOR BAHRU, JOHOR.**
Laman Web : www.mbjb.gov.my Emel : **kawalanbangunan@mbjb.gov.my**
Talian Am : 07 – 219 8163

## 1.0 TUJUAN

- Sebagai garis panduan untuk pemilik rumah mendapatkan kelulusan Permit Sementara bagi Awning Rumah Kediaman sahaja.
- Cadangan Dasar ini telah diluluskan oleh Jawatan Kuasa Pusat Setempat Bil. 24/2019 dan diterima pakai pada 1 Januari 2020.
- Memudah cara pemasangan Awning selain daripada Kelulusan Ubahan Tambahan dengan syarat & kadar bayaran tertentu secara pilihan tahunan.
- Tempoh kelulusan adalah 2 minggu.

## 2.0 CARA PERMOHONAN

- Menara MBJB (Tingkat 11) dan Borang Permohonan boleh didapati di laman web MBJB (Borang Awning Rumah Kediaman).
- Lengkapkan maklumat pada borang & diserahkan ke kaunter Jabatan Kawalan Bangunan atau e-mail ke : **kawalanbangunan@mbjb.gov.my**
- Permohonan yang telah lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon melalui panggilan telefon atau e-mail pemohon bagi tujuan pembayaran berdasarkan Nombor Kod Kewangan / Resit yang diberikan.
- Bayaran yang telah dibuat perlu diserahkan ke kaunter Jabatan Kawalan Bangunan atau email semula ke kawalanbangunan@mbjb.gov.my

## 3.0 SYARAT-SYARAT PEMATUHAN

- ✓ Pemasangan 'Awning' hanya dibenarkan untuk binaan struktur dari jenis sementara sahaja. Struktur bukan dari jenis kekal dan struktur yang bukan berbentuk A atau boleh mendatangkan kacau ganggu lot-lot kediaman bersebelahan.
- ✓ Pemasangan awning yang dibenarkan di hadapan, 'corner lot' atau 'end lot' adalah seperti panduan yang diberikan.
- ✓ Pemilik bangunan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap struktur 'Awning' yang dibina termasuk kestabilan, keutuhan dan kecacatan struktur binaan. Pihak Majlis berhak menentukan atau mengarahkan pemohon memperbaiki struktur serta 'awning' yang telah usang melalui Surat Peringatan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
- ✓ Aliran air hujan di tepi perlu pasang gutter / talang air hujan. Pemilik bertanggungjawab terhadap langkah-langkah pencegahan dan penghapusan pembiakan nyamuk dalam bekas / talang air hujan ini daripada pembiakan nyamuk.
- ✓ Pemilik perlu mendapatkan kebenaran jiran bersebelahan kiri / kanan sekiranya perletakan tiang di atas tembok pembahagi antara dua jiran dibina.
- ✓ Kebenaran ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sahaja sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran dasar kelulusan serta struktur hendaklah diturunkan.
- ✓ Awning di tingkat atas yang dibina hingga ke sempadan adalah tidak dibenarkan sama sekali dan notis akan dikeluarkan bagi dirobohkan.
- ✓ Pembayaran **Wang Proses Hanya Sekali** iaitu semasa permohonan kali pertama mengikut kedudukan lot kediaman seperti dalam **4.0 Jadual Pembayaran.**

## CONTOH LUKISAN AWNING RUMAH KEDIAMAN




*Awning – dibenarkan hingga ke sempadan bagi TERES (Hadapan & Penjuru/Corner)
*Anjakan **2 m** dari sempadan ke Lot bersebelahan (kekal seperti UT sediada)
*Lot Tepi (Lebar Lorong 3m) - dibenarkan awning 200mm sahaja
*Lorong Belakang (lebar Lorong 6m) – dibenarkan awning tidak lebih 500mm
*Lorong Belakang (lebar Lorong 4m) – dibenarkan awning tidak lebih 300mm




* Anjakan 1.5m dari sempadan ke hujung bumbung/ Dinding (Penjuru / Tepi Jalan)
* Anjakan hingga ke sempadan (Hadapan)
- Anjakan 2 m dari sempadan ke Lot bersebelahan (kekal seperti UT sediada)




* Anjakan 2.5m dari sempadan ke hujung bumbung/ Dinding & Hadapan
* Anjakan 2 m dari sempadan ke Lot bersebelahan
*Lot Tepi & Belakang – Unjuran Awning 500mm




* Anjakan 1.5m dari sempadan ke hujung bumbung/ Dinding
* Anjakan hingga ke sempadan (Hadapan)
* Anjakan 2 m dari sempadan ke Lot bersebelahan (kekal seperti UT sediada)